

UniMAP Penggerak Kerjasama MTUN-IOTI



16, Mei 2008 - UniMAP memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan kerjasama yang baik antara Malaysian Technical University Network (MTUN) dengan Institutes of Technology Ireland (IOTI). Hal ini ditambah lagi dengan MTUN yang sekarang ini dipengerusikan oleh Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, menjadikan UniMAP sebagai sekretariat MTUN. Mesyuarat antara MTUN-IOTI bertempat di Putrajaya pada 16 Mei 2008 ini adalah tugas pertama UniMAP sebagai sekretariat MTUN.

Selain daripada UniMAP, universiti-universiti MTUN yang lain turut serta dalam persiapan mesyuarat MTUN-IOTI hari ini, yang melibatkan kehadiran 7 orang daripada IOTI dan 40 orang staf daripada UTHM, UTeM, UMP dan UniMAP. Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Y. B. Datuk Ir. Hj. Idris Hj. Haron membuka tirai mesyuarat tersebut dengan penerangan ringkas mengenai sejarah MTUN dan 4 buah universiti teknikal tersebut. UTHM telah membuat persiapan dari segi logistik untuk mesyuarat pada 16 Mei 2008, manakala UTeM bertanggungjawab menguruskan program pada 17 Mei 2008. Selain itu juga, UMP bertanggungjawab dalam membawa delegasi daripada IOTI melawat sekitar Putrajaya, manakala UniMAP bertanggungjawab memastikan semuanya berjalan lancar di samping menganjurkan majlis makan malam dan persembahan kebudayaan.

Menurut Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin, UniMAP mempunyai pelbagai rancangan yang hebat untuk MTUN bagi tahun-tahun yang akan datang ini.